



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



KEPRIHATINAN UMAT ISLAM TERHADAP ANCAMAN IDEOLOGI MODEN: SATU KEPERLUAN

THE AWARENESS OF THE MUSLIMS TOWARDS THREATS OF MODERN IDEOLOGY: A STIPULATION

Ahmad Mujahideen Haji Yusoff^{1*}, Muhammad Nasron Yaacob², Norhidayah Mohamed Hussin³

¹ Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: mujahideen@kias.edu.my

² Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: nasron@kias.edu.my

³ Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Kelantan, Malaysia,
Email: norhidayah@kias.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.11.2020

Revised date: 26.11.2020

Accepted date: 01.02.2021

Published date: 03.03.2021

To cite this document:

Haji Yusoff, A. M., Yaacob, M. N., & Hussin, N. M. (2021). Keprihatinan Umat Islam Terhadap Ancaman Ideologi Moden: Satu Keperluan.. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 4 (15), 71-80.

DOI: 10.35631/IJMTSS.415006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Umat Islam sehingga ke hari ini masih berdepan dengan cabaran ideologi moden dalam tempoh masa yang agak lama. Kemunculan ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme dan lain-lain menjadi suatu musibah besar yang boleh mengikis kepercayaan umat Islam terhadap Islam sendiri. Oleh itu, artikel ini membincangkan keprihatinan umat Islam terhadap ancaman ideologi moden yang merupakan suatu keperluan pada masa kini. Artikel ini berbentuk kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisan data yang melibatkan kaedah kepustakaan dari bahan-bahan bercetak dengan menggunakan perisian N-Vivo 2.0. Artikel ini mendapati bahawa kepercayaan umat Islam semakin terancam kerana sebilangan umat Islam sendiri lebih suka memilih ideologi moden sebagai gaya sosial dalam kehidupan berbanding ajaran Islam. Mereka beralasan kemodenan dan keperluan kemajuan masa kini yang secara tidak langsung menyebabkan Islam semakin tersisih daripada teras kepercayaan umat Islam. Justeru, umat Islam perlu digerakkan kembali agar menyedari ancaman dan bahaya ideologi moden ini serta kembali kepada pengamalan agama Islam yang sebenar.

Kata Kunci:

Keprihatinan, Umat Islam, Ideologi Moden, Keperluan

Abstract:

Muslims to this day still face the challenges of modern ideology for a relatively long period of time. The emergence of modern ideologies such as secularism, liberalism, pluralism, and others became a great disaster that could erode the faith of Muslims towards Islam itself. Therefore, this article discusses the concerns of Muslims towards the threat of modern ideology which is a necessity today. This article is fully qualitative using data collection and data analysis methods involving library methods from printed materials using N-Vivo 2.0 software. This article finds that the beliefs of Muslims are increasingly threatened because some Muslims themselves prefer to choose modern ideology as a social style in life rather than Islamic teachings. They are based on modernity and the need for modern progress which indirectly causes Islam to become increasingly alienated from the core beliefs of Muslims. Therefore, Muslims need to be mobilized again to realize the threats and dangers of this modern ideology and return to the practice of the true religion of Islam.

Keywords:

Awareness, Muslims, Modern Ideology, Stipulation

Pengenalan

Kemunculan pelbagai ideologi moden pada masa kini menjadi suatu masalah besar yang meragut jati diri umat Islam. Sejak dahulu hingga sekarang umat Islam terpaksa berdepan dengan ancaman ideologi moden yang semakin mengikis akidah dan kepercayaan umat Islam. Ancaman yang berterusan ini secara tradisinya akan berjaya menggugat kepercayaan dan pegangan umat Islam terhadap Islam itu sendiri. Penyisihan agama Islam daripada kehidupan manusia sudah lama berlaku kepada umat manusia sebelum ini. Malah tujuan para rasul diutuskan kepada manusia adalah kerana manusia menyisihkan agama Allah SWT dari menjadi panduan kepada kehidupan mereka. Kemasukan pengaruh ideologi-ideologi moden dalam kalangan umat Islam hari ini telah memberikan ancaman yang serius terhadap pegangan umat Islam.

Pengenalan Ideologi Moden

Menurut Noresah (2010), ideologi berasal dari bahasa Greek yang terdiri dari dua perkataan iaitu idea dan logos. Idea bererti buah fikiran dan logos pula bermaksud kaedah. Ideologi bermaksud fahaman yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan dan lain-lain. Moden pula bermaksud masa kini dan mutakhir. Menurut Sulaiman (2011) menyebut bahawa ideologi moden bermaksud fahaman-fahaman yang baharu lahir terutama semasa zaman Renaissance di Eropah bermula kurun ke-14 dan berada di kemuncak pada kurun ke-18 dan 19. Menurut Zakaria (2015) menakrifkan ideologi sebagai segala fahaman dan isme yang dicipta oleh Barat dan disebar ke dalam negara umat Islam melalui penjajahan. Adapun Noresah (2010) menyatakan bahawa ideologi moden juga dirujuk pada istilah isme (ism) yang bererti kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan dan juga sikap serta perlakuan.

Kelahiran ideologi moden sangat berkait rapat dengan zaman Renaissance selepas sekian lama Eropah berada dalam zaman kegelapan (Dark Age). Keistimewaan zaman Renaissance ialah memberi lebih peluang kebebasan bagi individu dari segi agama, penulisan, kebudayaan serta kesedaran dan pencapaian yang cemerlang dalam sastera dan sains (Sulaiman, 2013). Dengan kebebasan tanpa pertimbangan agama ini, akal telah memainkan peranan sebeb-bebasnya

sehingga lahirlah ideologi-ideologi moden yang menggantikan agama sebagai penentu hala tuju kehidupan.

Menurut Sulaiman (2013) lagi, beliau menyebut bahawa sepanjang perjalanannya, Eropah telah mengalami tiga zaman iaitu zaman klasik (The Classical Period) yang berlaku sebelum abad ke-5M, kemudian zaman pertengahan (The Middle Ages) yang berlangsung pada abad ke-5M sehingga abad ke-17M dan zaman moden (The Modern Era) yang berlangsung pada abad ke-18M sehingga kini. Zaman pertengahan mengandungi zaman kegelapan (The Dark Ages) yang diselangi dengan zaman Renaissance dan zaman pencerahan (The Age of Enlightenment) sebelum memasuki zaman moden. The Dark Ages berlangsung sejak abad ke-5 sehingga abad ke-14 dan diikuti zaman Renaissance dan zaman pencerahan (The Age of Enlightenment) sehingga abad ke-17 sebelum memasuki zaman moden pada abad ke-18 dan 19.

Menurut al-Jundi (1993), zaman moden Barat mula berlangsung pada abad ke-18M. Ia dianggap satu dunia baru yang penuh dengan kemajuan dan kemodenan sejagat. Pada era ini, Barat telah berjaya keluar dari belenggu zaman kegelapan yang pernah dilalui sebelum ini. Revolusi-revolusi rakyat di Barat yang tercetus pada abad tersebut dikira sebagai langkah awal pada era moden Eropah. Di antara tokoh zaman moden yang membawakan inspirasi moden ialah pejuang sosialisme Robert Owen (1771-1858), pejuang humanisme Auguste Comte (1798-1857), pejuang komunisme Karl Marx (1818-1883) dan pejuang pluralisme John Hick (1922-2012). Hasil revolusi tersebut mencetuskan keajaiban ekonomi yang meluaskan pengaruh ekonomi dan politik Barat terhadap dunia. Semua ini tercetus hasil daripada ledakan ideologi moden yang diperjuangkan sebelum era moden itu.

Menurut Mohd Fikri (2017), era pemodenan di Barat telah berjaya memisahkan agama dari menjadi sumber kebergantungan hidup masyarakat Eropah. Pemisahan itu berlaku melalui praktikal Barat dengan ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme, materialisme dan humanisme. Hasil pemisahan dan proses idealisasi itu telah menghasilkan suatu keajaiban ekonomi bagi dunia Barat yang disebut sebagai The Great Divergence dan The European Miracle. Barat membawakan dua situasi dan kemegahan ini dalam pakej satu dunia baharu atau The New Order. Dunia baharu ini kemudiannya diiktiraf oleh masyarakat dunia sebagai satu kemajuan yang tiada tara dan abadi. Faktor kekuatan imperialisme Barat dan kemiskinan negara dunia ketiga yang sebahagiannya adalah kalangan negara umat Islam telah menjadikan pakej dunia baharu itu suatu teladan kemajuan dan kemodenan. Keuntungan Barat pada kempen ini disemarakkan lagi melalui kempen globalisasi pada kurun ke-21. Tujuannya untuk memastikan kelestarian dunia moden Barat dalam kalangan negara umat Islam seluruh dunia. Maka selama itulah juga umat Islam tidak akan mampu mengembalikan kedaulatan kerajaan Islam pada zaman gemilang tamadun Islam semasa menjadi pemimpin dunia suatu masa dahulu.

Ancaman Ideologi Moden

Kedatangan ideologi moden ke alam dunia umat Islam adalah seiringan bagi mendokong gagasannya yang menatijahkan ancaman-ancaman berikut:

Mencanggahi Islam

Ideologi moden mengajarkan idea pemisahan hidup dari ajaran Islam. Gaya hidup insan tidak perlu menuruti ajaran Islam kerana agama tidak layak dan tidak memahami keperluan kemajuan dan kebaikan dalam kehidupan. Insan itu sendiri yang layak menentukan

kehidupannya dan memahaminya. Menurut Muhammad (2018), semua ideologi moden seperti sekularisme, liberalisme dan humanisme adalah menyisihkan ajaran agama dari menjadi teras dalam kehidupan. Islam menolak fahaman seumpama ini kerana ia jelas bercanggah dengan ajaran Islam. Percanggahan yang dibawa oleh ideologi moden inilah yang diperingatkan oleh Islam agar umat Islam menjauhinya. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 85 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang memilih selain Islam sebagai cara hidup maka tidak diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat adalah daripada orang-orang yang rugi”.

Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Ahqaf ayat 34 yang bermaksud:

“Dan dikatakan pada hari ini Kami tidak hiraukan kamu sebagaimana kamu tidak hiraukan persediaan menemui hari kamu ini dan tempat kamu ialah neraka”.

Longgar Akidah Islam

Kesan dari pengaruh ideologi moden terhadap umat Islam ialah akidah mereka menjadi longgar dari bertaut teguh dengan akidah Islam sebenar. Nabi SAW sendiri telah menggambarkan hal ini bahawa umat Islam tidak perlu memeluk agama Yahudi atau Kristian tetapi cukup sekadar terikut-ikut dengan ajaran agama mereka biarpun masih kekal dalam Islam. Sabda Nabi SAW yang bermaksud (al-Bukhari, 2016):

“Kamu akan mengikuti cara hidup orang-orang yang sebelum kamu sejengkal dengan sejengkal dan sehasta dengan sehasta hingga kalau mereka masuk lubang biawak nescaya kamu turut memasukinya. Kami (Sahabah RA) bertanya: Wahai Rasulullah adakah mereka itu Yahudi dan Kristian? Sabda SAW: Siapakah lagi?”

Menurut Mahmud (2001), longgar pegangan Islam sudah cukup menjadikan umat Islam lemah. Oleh kerana itu, Allah SWT amat menekankan keteguhan pegangan akidah pada Islam sebenar. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 103 yang bermaksud:

“Dan berpeganglah dengan tali Allah dan jangan kamu berpecah-belah”.

Selain dari al-Quran, Nabi SAW juga ada menyebut tentang perkara ini dalam sebuah hadis sahih (al-Albani, 1997) yang bermaksud (Ibn Majah, 2015):

“Dan kamu akan melihat selepasku perselisihan yang dahsyat, maka bagi kamu adalah sunnahku dan sunnah para pengganti yang matang dan terpinpin, pegangilah ia dengan gigi geraham (sungguh-sungguh)”.

Pegangan pada al-Quran dan hadis Nabi SAW yang dinyatakan di atas menjadi faktor kesatuan dan kekuatan umat Islam. Jika kedua-dua sumber itu dipinggirkan, ketika itu juga akan berlakunya perpecahan umat Islam dan kejatuhan upaya Islam untuk memimpin. Perkara terakhir inilah yang diinginkan oleh musuh Islam daripada Barat dan Yahudi.

Umat Islam Tanpa Islam

Budaya al-Tatbi' menurut al-Qaradhawi (2000) ialah menjadikan sesuatu yang tidak sepatutnya sebagai sesuatu yang biasa (tabiat) dan diterima semua. Amerika contohnya boleh memerangi mana-mana negara atas alasan keselamatan dunia dan melabelkan penentangannya yang mempertahankan negara mereka sendiri sebagai penganas. Amerika mahukan tindakan

ini diterima oleh masyarakat dunia sebagai suatu kebiasaan dan betul, biarpun hakikatnya adalah salah. Ternyata masyarakat dunia seolah-olah menerima sikap Amerika ini walaupun tahu kezalimannya. Mereka berurusan seperti biasa dengan Amerika dalam ekonomi dan hubungan kenegaraan tanpa memikirkan cara untuk menunjukkan protes terhadap tindakan-tindakan yang salah tersebut.

Menurut al-'Aqiqi (2017) menegaskan bahawa dalam skop kehidupan umat Islam, ideologi moden juga cuba menjadi sesuatu yang biasa dan normal. Urusan politik yang tidak mengambil kira ajaran agama mahu dianggap normal. Kepercayaan bahawa semua agama sama juga mahu dikira normal. Pemakaian yang tidak menutup aurat mahu dianggap normal. Urusan ekonomi berasaskan riba mahu dianggap normal. Segala-gala aspek hidup Muslim yang bercanggah dengan ajaran sebenar Islam mahu dianggap normal. Nabi SAW sangat menegah anggapan biasa dan normal terhadap maksiat agama kerana ia adalah sebab mendapat laknat Allah SWT. Hal ini dijelaskan sebagaimana dalam sebuah hadis hasan yang bermaksud (al-Tirmidhi, 1417H):

“Sesungguhnya perkara pertama yang mencacatkan Bani Isra’il apabila seorang lelaki (soleh) menemui lelaki lain (pelaku maksiat) maka dia berpesan: “Wahai fulan, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan perlakuanmu (maksiat) kerana ia tidak halal bagimu”. Kemudian lelaki soleh bertemu lagi dengan pelaku maksiat tetapi dia tidak lagi mencegah perlakuan maksiat itu, bahkan dia sudah menjadi teman untuk makan, minum dan bersantai. Apabila demikian tindakan mereka, maka Allah mencampur aduk hati-hati mereka antara satu sama lain”. Kemudian Nabi SAW membacakan ayat: (Dilaknat orang-orang kafir daripada Bani Isra’il melalui lidah Dawud dan Isa bin Maryam kerana mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan sesama sendiri dari kemungkaran yang mereka lakukan, amatlah buruk apa yang mereka perbuatkan). Kemudian sabda Nabi SAW: “Bahkan demi Allah hendaklah kamu menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran, bertindak terhadap orang yang zalim, melaziminya dengan kebenaran dengan suatu kelaziman dan menumpukannya pada kebenaran dengan suatu penumpuan”.

Jatuhkan Kredibiliti Agama Islam

Allah SWT telah menurunkan Islam kepada manusia dengan sempurna dan terbaik untuk umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma’idah ayat 3 yang bermaksud:

“Hari ini Aku sempurnakan bagi kamu agama dan Aku lengkapkan kepada kamu nikmatKu dan Aku reda Islam sebagai agama”.

Menurut Muhammad (2007), pemilihan cara hidup selain Islam menunjukkan ketidakpercayaan kepada agama yang diredai Allah SWT. Ia menjadi kaedah bagi menurun dan menjatuhkan agama Islam dari kedudukannya yang tertinggi. Sedangkan umat Islam dituntut meletakkan agama Allah SWT dan syiarnya pada kedudukan yang paling tinggi berbanding agama dan cara hidup lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Saff ayat 9 yang bermaksud:

“Dia (Allah) mengutuskan rasulNya dengan hidayah dan agama yang benar untuk menonjolkannya melebihi segala agama lain”.

Justeru, perlu difahami bahawa kerja dan tugas meninggi dan menonjolkan agama Allah SWT mengatasi dan melebihi agama dan cara hidup lain adalah suatu jihad di jalanNya. Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud (Muslim, 2007):

“Sesiapa yang berperang untuk menjadikan kalimah Allah adalah tertinggi maka dia berada di jalan Allah”.

Menurut A. Muin (2012), kejatuhan kredibiliti Islam pada pandangan umat Islam adalah suatu kejayaan agung Yahudi dan Barat. Ia bermakna umat Islam akan kekal berada dalam pengaruh dan kuasa Yahudi dan Barat kerana asas kekuatan akidah sudah tiada lagi.

Memecahbelahkan Kesatuan Umat Islam

Menurut al-Qaradhawi (2000), umat Islam terbahagi kepada tiga golongan dalam berdepan dengan ideologi moden ini. Golongan pertama ialah golongan yang menerima ideologi moden ini dengan penuh semangat atas nama kemodenan. Peradaban Barat menjadi kiblat mereka dan mereka beranggapan bahawa hanya dengan pemodenan Barat sahaja umat Islam akan maju dan berjaya. Tepatlah pesanan dan peringatan Rasulullah SAW mengenai golongan umat Islam ini yang meniru gaya hidup Yahudi dan Kristian pada akhir zaman seperti sekarang ini (al-Bukhari, 2016).

Golongan kedua ialah kalangan umat Islam yang melihat bahawa pemencilan dan pengasingan diri dari terkena tempas serangan ideologi ini sebagai jalan selamat. Justeru, mereka menjauhkan diri dari dunia yang sedang mereka hidup, mengasingkan diri dari dunia pemikiran, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sedangkan Islam mahukan dunia ini dimakmurkan oleh khalifah yang dilantik oleh Allah SWT dengan kemakmuran agama Islam.

Golongan ketiga ialah golongan yang bersikap pertengahan dan sederhana dan golongan inilah yang bertepatan dengan gelaran al-Quran terhadap umat Islam dengan umatan wasatan (umat pertengahan). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu sebagai umat pertengahan (adil) agar kamu menjadi saksi bagi manusia lain, dan Rasulullah menjadi saksi bagi kamu”.

Justeru, golongan ketiga inilah golongan ideal yang merupakan sikap umat Islam sebenar yang perlu ada pada hari ini. Kita tidak boleh lari dan mengasingkan diri dari cabaran globalisasi dan kandungan ideologinya kerana Barat yang memegang kuasa dan menentukan pengaruhnya terhadap dunia manusia hari ini. Begitu juga kita tidak boleh menerima globalisasi secara semberono kerana ia mengajak manusia hidup dengan cara bukan Islam dan tidak diredai Allah SWT. Maka sikap golongan ketiga ini mengajarkan kita agar mengutip globalisasi yang baik dan selari dengan syarak dan dalam masa yang sama menyisihkan yang buruk dan maksiat. Oleh itu, perlulah umat Islam menaiktarafkan ilmu dan pengetahuan, kerja dan usaha, sistem dan hasil pertanian dan galian, perkilangan dan perindustrian, pengurusan dan seumpamanya. Apa yang lebih penting lagi ialah menaiktarafkan nilai insan setiap umat Islam kerana ia adalah satu-satunya jalan menaiktarafkan perkara-perkara yang lain.

Ideologi Dan Jahiliah Moden

Menurut Muhammad (2018) dalam bukunya Jahiliyyah al-Qarn al-‘Ishrin (Jahiliyyah Abad Dua Puluh) menyifatkan sosiobudaya Barat dan ideologinya adalah sebahagian dari siri dan versi jahiliah moden yang pernah ditentang oleh Nabi Muhammad SAW semasa dakwah Islam di Mekah suatu ketika dahulu. Jahiliah tidak berlaku di tanah Arab pada abad ke-7M sahaja, bahkan ia berlaku setiap kali manusia memilih kesesatan berbanding hidayah agama yang disampaikan kepada mereka. Peradaban Barat didirikan di atas prinsip jahiliah sejak zaman tamadun Yunani lagi, zaman tamadun Rom, zaman pertengahan Barat sehingga ke hari ini.

Barat pernah diberi peluang untuk tidak berada dalam jahiliah iaitu semasa mereka mencedok dan memanfaatkan peradaban tamadun Islam pada zaman pertengahan, namun peradaban fizikal sahaja yang diambil dan dibawa ke Barat, sedang peradaban spiritual dan kerohanian agama Islam diabaikan. Erti jahiliah ialah sesat dari jalan Allah SWT, sedangkan lawan bagi jahiliah ialah Islam yang bermaksud hidayahNya. Ia bermaksud bahawa aspek hidup yang tidak berlandaskan ajaran Islam adalah termasuk dalam ajaran jahiliah.

Menurut Muhammad (2018) lagi menjelaskan bahawa terdapat empat ciri utama dalam jahiliyyah moden:

i. Tidak ikhlas dan tulus dalam beriman kepada Allah SWT.

Gambarannya dijelaskan oleh corak akidah masyarakat Arab jahiliah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 25 yang bermaksud:

“Dan jika kamu (Muhammad) menanyakan mereka siapakah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah”.

Keimanan yang ikhlas dan tulus melibatkan rububiyah dan uluhiyyahNya secara bersama. Namun ibadat mereka melalui patung-patung berhala mencatatkan kepercayaan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Zumar ayat 3 yang bermaksud:

“Ingatlah, bagi Allah sahaja agama (ibadah) sebenar dan orang-orang yang mengambil selainNya sebagai wali (berkata): “Tidaklah kami menyembah mereka kecuali untuk mereka mendampingi kami kepada Allah sedamping-dampingnya”.

ii. Hawa nafsu

Jahiliah tidak menerima penghukuman daripada Allah SWT. Justeru, jahiliah bermaksud penghukuman yang mengikuti kehendak hawa nafsu. Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'dah ayat 49 dan 50 yang bermaksud:

“Dan hukumkanlah di antara mereka dengan apa yang Allah turunkan dan jangan ikuti hawa nafsu mereka. Apakah hukuman jahiliah itu yang mereka pilih? Dan siapakah lagi lebih baik hukuman daripada Allah bagi kaum yang yakin”.

iii. Taghut

Taghut ialah yang dipatuhi selain Allah SWT. Taghut berlawanan dengan Islam yang benar kerana kepatuhannya ialah kepada hawa nafsu dan bukan ikhlas kepada Allah SWT. Hal yang sama telah dijelaskan oleh Ibn Kathir (2015) dalam kitab tafsirnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 257 yang bermaksud:

“Allah adalah penolong bagi orang-orang beriman mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya, dan orang-orang kafir penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya kepada kegelapan”.

iv. Belenggu syahawat

Syahawat dan keinginannya adalah suatu fitrah kemanusiaan sebagaimana Allah SWT nyatakan dalam surah Ali 'Imran ayat 14 yang bermaksud:

“Dihiasikan kepada manusia yang diingini nafsu iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang ternakan dan kebun-kebun tanaman, yang semua itu kesenangan hidup di dunia”.

Namun syahawat akan menjadi pemusnah jika ia yang menguasai hidup manusia kerana ia mampu memalingkan manusia dari fitrah agama Islam sehingga boleh menjadikan manusia setaraf atau lebih hina dari haiwan. Keempat-empat ciri di atas ada pada semua jahiliah setiap zaman; zaman Yunani, Rom, Firaun, Mesir kuno, termasuklah zaman pertengahan di Barat.

Menurut al-Makin (2015), zaman moden tanpa sempadan hari ini juga memiliki ciri-ciri tersebut dengan tambahan ciri-ciri khusus seperti berikut:

- i. Kemajuan ilmu dan sains yang digunakan untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah SWT dan menghasilkan bencana yang melata.
- ii. Manusia sombong terhadap Allah SWT dengan sangkaan dia tidak perlukanNya, atau dia merasakan dia adalah Tuhan (kerana dia sendiri yang menentukan nasib).
- iii. Teori-teori sains dalam pelbagai bidang yang menyesatkan manusia dari jalan Allah SWT.
- iv. Teori evolusi dan konsep kebebasan wanita.

Sikap Umat Islam Abad Ke-20

Bagi menangani isu ini, umat Islam pada hari ini hendaklah menjadi golongan yang bersikap pertengahan dan sederhana kerana golongan inilah yang bertepatan dengan gelaran al-Quran terhadap umat Islam dengan umatan wasatan (umat pertengahan). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu sebagai umat pertengahan (adil) agar kamu menjadi saksi bagi manusia lain, dan Rasulullah menjadi saksi bagi kamu”.

Oleh itu, umat Islam perlu memberikan perhatian pada konsep kesederhanaan seperti yang sudah sedia ada dalam ajaran Islam yang bersesuaian dengan masa kini (al-Siba‘i, 1422H):

- i. Memenuhi kemahuan fitrah tanpa mencanggahi akal.
Pengetahuan dan pemahaman terperinci tentang syariat dan hikmahnya akan menampakkan keistimewaan Islam sebagai agama fitrah yang sesuai dengan kemahuan individu yang sejahtera. Tindakan membelakangkan kemahuan fitrah akan menfitnah Islam sebagai agama yang tidak sesuai dengan kehendak fitrah manusia.
- ii. Tidak menyekat kemajuan pemodenan.
Islam tidak pernah menyekat pemodenan dan kemajuan, bahkan Islamlah yang membawa ketamadunan kepada bangsa manusia sebagaimana yang diakui sejarah dunia.
- iii. Meraikan kesenangan yang tidak memudaratkan individu lain dan masyarakat.
Islam tidak pernah menyekat kemahuan manusia untuk bersenang-senang, bahkan menegur larangan yang menghalang kesenangan dan kenikmatan yang ingin dikecapi. Firman Allah SWT dalam surah al-A’raf ayat 32 yang bermaksud:

“Katakanlah siapa mengharamkan perhiasan Allah yang Dia keluarkan kepada hamba-hambaNya dan juga yang baik-baik dari rezeki”.

Namun apabila sesuatu kesenangan dan kenikmatan melebihi hadnya, maka barulah Islam melarang manusia dari melakukan pelampauan itu. Manusia yang menganggap pelampauan itu harus adalah berdasarkan perkiraan nafsu, bukannya pertimbangan Islam dan akal yang sejahtera.

iv. Tidak menyusah dan memberatkan urusan.

Islam ialah agama yang menuntut umatnya memudahkan segala urusan. Nabi SAW sendiri jika diberi dua pilihan, maka dipilihnya yang paling mudah dan senang. Kerana urusan yang berat dan payah tidak semestinya terbaik, bahkan Islam melihat yang terbaik ialah yang paling ringan dan mudah.

v. Meraikan maslahat umum.

Maslahat umum jika diteliti merupakan asas dalam syariat Islam sebagaimana yang disaksikan dalam zakat, wakaf, kekeluargaan, riba, hudud, jenayah dan seumpamanya. Penjagaan maslahat umum secara tidak langsung akan menjamin maslahat individu dan persekitaran. Menurut Muhammad (2007) menjelaskan bahawa kejayaan serangan ideologi moden adalah kerana kelemahan pegangan umat Islam untuk merujuk dan berpegang pada al-Quran.

Namun menurut Ismail (1970), kenyataannya ialah sikap permusuhan dan serangan Barat terhadap umat Islam tidak akan terhenti begitu sahaja. Ia akan berlangsung sepanjang zaman dalam apa peringkat sekalipun. Penyelesaiannya hanya berada di tangan umat Islam sendiri iaitu sejauh mana timbulnya kesedaran untuk kembali berpegang pada al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah al-Fussilat ayat 26 yang bermaksud:

“Dan berkata orang-orang kafir: Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan tentanglah ia (dengan nyanyian dan jeritan riuh rendah) supaya kamu berjaya”.

Penutup

Ideologi moden terdiri dari beberapa fahaman dan pemikiran yang tercetus di Barat terutama semasa zaman Renaissance. Ideologi-ideologi ini kemudiannya disebarkan kepada umat Islam seluruh dunia hasil usaha orientalisme dan kristianisasi melalui peranan penjajahan. Ideologi-ideologi tersebut datang kepada umat Islam dalam bentuk serangan. Umat Islam sebenarnya tidak memerlukan petua Barat untuk menjadi moden kerana pada ketika umat Eropah masih sesat dalam zaman gelap, umat Islam sudah lama berada dalam cahaya kemodenan spiritual dan fizikal. Permasalahan yang ada dalam dunia Eropah tidak sama dengan masalah yang dialami oleh umat Islam. Justeru, tidak patut penyelesaian masalah cara Barat ingin dipraktikkan dalam kalangan umat Islam dengan penyelesaian yang sama. Bahkan ia sebenarnya menjadi musibah besar yang melanda umat Islam disebabkan ideologi-ideologi tersebut yang hakikatnya menjauhkan umat Islam daripada agama mereka sendiri. Oleh kerana itu, dapatlah dinyatakan bahawa kedatangan ideologi-ideologi moden tersebut adalah secara serangan dan paksa pada ketika umat Islam sudah disuntik dengan racun kekacauan pemikiran secara halus dan berstrategi dalam tempoh masa yang panjang.

Penghargaan

Terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di atas dorongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

A. Muin, U. (2012). *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Al-Albani, M. N. (1997). *Sahih Sunan Ibn Majah*. Al-Riyadh: Maktabat al-Ma'arif.

Al-'Aqiqi, N. (2017). *Al-Mustashriqun*. Al-Qaherah: Dar al-Ma'arif.

Al-Bukhari, M. I. (2016). *Sahih al-Bukhari*. Karachi: Maktabat al-Bushra.

Al-Jundi, A. (1993). *Pembaratan di Dunia Islam*. Bandung: Penerbit Remaja Rosdakarya.

Al-Makin. (2015). *Antara Barat dan Timur: Batasan, Dominasi, Relasi dan Globalisasi*. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.

Al-Qaradhawi, Y. (2000). *Al-Muslimun wa al-'Awlamah*. Beirut: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.

Al-Siba'i, M. (1422H). *Asdaq al-Ittijahat al-Fikriyyah fi al-Sharq al-'Arabi*. Beirut: Dar al-Warraq.

Al-Tirmidhi, M. I. (1417H). *Sunan al-Tirmidhi*. Al-Riyadh: Maktabat al-Ma'arif.

Ibn Kathir, I. U. (2015). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Al-Qaherah: Dar al-Salam.

Ibn Majah, M. Y. (2015). *Sunan Ibn Majah*. Al-Riyadh: Dar al-Hadharah.

Ismail, J. (1970). *Orientalisme dan Orientalisten*. Surabaya: Penerbit Faizan.

Mahmud, H. Z. (2001). *Al-Islam fi al-Fikr al-Gharbi*. Dimasq: Dar al-Qalam.

Mohd Fikri, C. H. (2017). *Awas Ancaman Orientalis Terhadap Kita*. Kuala Lumpur: Karangkrak Sdn. Bhd..

Muhammad, Q. (2018). *Jahiliyyah fi al-Qarn al-'Ishrin*. Al-Qaherah: Dar al-Shuruq.

Muhammad, R. S. (2007). *Al-Islam fi Muwajahah al-Tahaddiyyat*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.

Muslim, H. (2007). *Sahih Muslim*. Al-Riyadh: Dar al-Salam.

Noresah, B. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sulaiman, N. (2011). *Sejarah Pemikiran 1: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Selangor: Perniagaan Jahabersa.

Sulaiman, N. (2013). *Sejarah Pemikiran 2: Akal dan Wahyu, Manhaj Ahli Sunnah, Muktaizilah dan Modenisme*. Selangor: Perniagaan Jahabersa.

Zakaria, D. (2015). *Ideologi Moden dan Pemikiran Islam: Satu Perbandingan*. Prosiding Seminar Pemurnian Akidah 2015 Peringkat Negeri Kelantan.